

Pulih semula imej silat olahraga

B. Harian (M) - 4 AUG 1990

BANGI, Jumaat — Individu dan persatuan silat termasuk Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) diminta memulihkan semula imej silat olahraga sebagai salah satu warisan Melayu.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, Datuk Sabbaruddin, berkata buat masa ini, kementeriannya mendapati silat olahraga sudah mula dresapi unsur-unsur seni mempertahankan diri.

Di samping itu, katanya, ada individu dan persatuan yang tidak terbabit secara langsung dalam organisasi silat olahraga, berpendapat taekwando dan karate-do adalah lebih baik daripada silat olahraga.

"Malah, ada juga berpendapat seseorang mesti mem-

punyai kemahiran taekwando atau karate-do jika mahu memenangi pingat emas dalam sebarang pertandingan silat olahraga," katanya ketika merasmikan Hari Gayong kedua Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), di sini, hari ini.

Di samping itu, Datuk Sabbaruddin berkata, kementerian mendapati ada segelintir pesilat sukan silat olahraga, terutama bukan Melayu, tidak menggunakan pergerakan 'buah dan bunga' yang betul ketika bertanding.

"Malah, ada segelintir peserta yang mencampuradukkan teknik taekwando atau karate-do di segi kekuatan tendangan atau tinju Siam bagi mematahkan serangan lawan, dalam Su-

kan Malaysia, yang diadakan di Sarawak baru-baru ini," katanya.

Sehubungan itu, beliau yang bimbang imej dan warisan silat Melayu tercemar, mahu usaha memulihkan imej silat olahraga dilakukan segera demi kepentingan seni silat negara.

"Kita tidak mahu ada sesetengah pihak mengubah pusaka yang sudah kita warisi sejak zaman dahulu dengan mudah tanpa memikirkan perasaan orang Melayu terlebih dahulu," katanya.

Terdahulu, dalam ucapan perasmianya, Datuk Sabbaruddin meminta pemimpin pertubuhan silat memastikan kegiatan silat bebas daripada perkara yang boleh menje-

Jaskan perkembangan silat.

"Ilmu persilatan harus diajar kepada semua anak muda untuk mengelakkan kejatuhan moral. Di samping itu, menerusi silat, generasi baru yang bersih di segi rohani dan fizikal, boleh dilahirkan," katanya.

Di samping itu, beliau meminta pihak terbabit secara langsung dalam sukan itu menimbangkan cadangan menjadikan silat olahraga sebagai satu acara dalam Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM).

Datuk Sabbaruddin juga menyerahkan 'bengkung gayong' kepada kira-kira 15 peserta yang menamatkan ilmu pengajian persilatan pendekar gayong.